

Cuaca panas di kawasan utara fenomena biasa

BH/09.03.24/M/S 8



Keadaan sawah padi yang kering kontang dan tanah merekah di Balik Pulau berikutan fenomena cuaca panas melanda negara. (Foto Mikail Ong/BH)

Kuala Lumpur: Cuaca panas di kawasan utara baru-baru ini sebenarnya keadaan biasa berlaku di kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia menjelang hujung bulan Januari hingga Februari.

Penyelidik meteorologi dan iklim Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Chung Jing Xiang, berkata corak cuaca begitu menandakan musim tengkujuh yang sedang melanda negara kita ini bakal berakhir.

Beliau yang juga Pensyarah Kanan, Fakulti Sains dan Sekitaran Marin UMT berkata, kejadian cuaca panas itu tidak dapat digunakan untuk meramal sama ada kemarau panjang bakal berlaku.

“Hal ini kerana, kejadian kemarau bukan sahaja bergantung kepada perubahan angin monsun, tetapi juga anomali iklim yang lain seperti kejadian Pengayunan Selatan El Nino, Dwpolar Lautan Hindi, Pengayunan Madden-Julian dan lain-lain.

“Pusat Ramalan Iklim, National Oceanic and Atmospheric Administration, Amerika Syarikat menjangka kejadian El Nino ba-

kal berlanjutan pada musim-musim akan datang, tetapi akan secara perlahan-lahan berubah ke keadaan Pengayunan Selatan El Nino neutral pada sekitar April hingga Jun 2024,” katanya kepada BH.

Cuaca lebih kering

Dalam pada itu, Jing Xiang berkata, kejadian El Nino biasanya akan menyebabkan keadaan cuaca menjadi lebih kering.

“Jabatan Meteorologi Malaysia (MET-Malaysia) turut menekankan perkara ini dalam tinjauan cuaca jangka panjang yang diuar-uarkan pada 31 Januari lalu.

“Namun demikian, orang ramai tidak perlu berasa terlampau gelisah kerana negara kita bakal dilanda musim peralihan monsun (sekitar Mac hingga Mei), iaitu musim kebarangkalian untuk berlakunya hujan petang akan meningkat, sebelum kita dilanda sekali lagi dengan satu musim kering yang lebih panjang, iaitu Monsun Ba-

rat Daya,” katanya.

Ditanya jika monsun barat daya yang bersifat kering ini akan mendatangkan kemarau panjang, Jing Xiang berkata, masih terlalu awal untuk diramalkan dengan tepat.

“Hal ini kerana sistem iklim kita amat kompleks. Cerapan, ramalan dan laporan yang dikemas kini dari semasa ke semasa daripada MetMalaysia dan agensi lain yang berkaitan diperlukan untuk ramalan yang lebih tepat.

“Bagaimanapun, penting untuk kita mengingati negara kita sedang mengalami fenomena El Nino, suatu fenomena yang biasanya akan menyebabkan corak iklim menjadi lebih kering berbanding daripada biasa.

“Kita mesti sentiasa bersiaga untuk menghadapi cabaran cuaca kering ini, dan peka kepada maklumat terkini yang akan disalurkan oleh pihak berkenaan, seperti Met Malaysia,” katanya.



Chung Jing Xiang